

21 JUL 2000

Bandar Elektronik

MALAYSIA PUNYAI BANDAR ELEKTRONIK TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Malaysia dijangka mempunyai Bandar Elektronik yang mempamer dan memasarkan pelbagai peralatan elektrik dan elektronik keluaran tempatan dan berjenama antarabangsa tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kabinet meluluskan rancangan itu beberapa minggu lepas.

"Ia merupakan ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad... yang akan mengambil contoh seperti Bandar Elektronik Akibara di Jepun, yang memasarkan semua keluaran negara itu di satu kawasan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pertunjukan Audio Malaysia 2000 di sini, hari ini.

Katanya, apa juga barangan elektrik dan elektronik boleh dibeli di situ, yang tempatnya sudah dikenal pasti di ibu negara, bagi kemudahan pelancong asing dan pengguna dalam negara di samping manfaat bagi syarikat pengeluar.

Beliau berkata perbincangan sedang dijalankan di peringkat pegawai kementeriannya yang diberikan tanggungjawab menjayakan rancangan itu dengan kerjasama para pengeluar, pengedar, pemilik bangunan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Muhyiddin berkata, pengwujudan bandar elektronik itu, yang merupakan inisiatif swasta tetapi digerakkan kementeriannya di peringkat awal, juga akan membantu menambah tarikan Malaysia sebagai pusat membeli belah serantau bagi pelancong.

"Cadangan ini juga mengambil kira kemampuan rakyat Malaysia berbelanja sekarang setelah ekonomi pulih berbanding beberapa tahun lalu," katanya.

Kerajaan mungkin menawarkan beberapa insentif untuk syarikat yang menyertai perniagaan di bandar itu, kata beliau.

Selain itu, katanya, peniaga di situ juga tentunya akan mengadakan tarikan mereka tersendiri seperti menawarkan harga istimewa untuk manfaat pengguna yang berbelanja di bandar elektronik itu kelak.

Beliau berkata setakat ini, maklumat balas yang diperolehi daripada syarikat pengeluar menunjukkan mereka menyambut baik rancangan itu yang bermakna mereka akan mempunyai ruang pameran produk mereka yang sentiasa dikunjungi.

Mengenai peniaga barangan elektronik dan elektrik di merata kedai sekarang, beliau berkata bandar itu tidak akan menjadi masalah kepada mereka kerana mereka masih boleh terus berniaga di tempat sedia ada dan dialu-alukan juga untuk berniaga di tempat baru itu.

Pameran Audio Malaysia 2000 yang berlangsung selama tiga hari hingga Ahad di Hotel Legend itu disertai 63 syarikat yang memperkenalkan pelbagai barangan audio dan video terbaru.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur pameran itu Dick Tan dalam ucapannya berkata ia merupakan kali yang ketujuh diadakan, dengan kerjasama Tanway Sdn Bhd dan Kumpulan New Straits Times, yang membawa perkembangan teknologi terbaru dalam bidang audio dan video kepada rakyat Malaysia.

Turut dipamerkan ialah sistem-sistem "home theater" yang menggunakan skrin besar dan speaker berkuasa besar yang berharga puluhan ribu hingga RM300,000 selain barangan kegemaran ramai seperti "walkman" dan VCD yang berharga ratusan ringgit.

Turut hadir ialah Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Ahmad Talib dan Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian Datuk Ahmad Rejal Arbee.

-- BERNAMA

MNY AHH NMO